

21/10/1999

Bank Negara longgar syarat penggabungan

Wan Sabariah Shikh Ali

BANK Negara Malaysia (Bank Negara) mengumumkan institusi perbankan tempatan kini diberi kelonggaran dalam membentuk kumpulan penggabungan dan memilih institusi yang akan mengetuai kumpulan masing-masing.

Dalam satu kenyataan semalam, Gabenor bank pusat, Tan Sri Ali Abul Hassan Sulaiman berkata perubahan kepada syarat penggabungan yang ditetapkan pada 29 Julai lalu, dibuat berikutan pengumuman Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Kewangan Dua, Datuk Mustapa Mohamed di Parlimen baru-baru ini.

Di bawah kelonggaran itu, institusi perbankan dikehendaki mengemukakan kepada Bank Negara senarai kumpulan penggabungan dan memperolehi persetujuan secara prinsip daripada pemegang saham utama institusi perbankan dalam kumpulan baru itu, selewat-lewatnya pada hujung Januari 2000.

Ali Abul Hassan berkata, satu surat pekeliling akan dikeluarkan kepada semua institusi perbankan hari ini yang merangkumi garis panduan dan kriteria mengenai penggabungan itu.

Bagaimanapun, Bank Negara tidak menyebut sama ada bilangan baru institusi teras yang akan menerajui program penggabungan akan dihadkan.

Mengikut program penggabungan asal, bilangan kumpulan kewangan yang akan diwujudkan daripada proses pengukuhan itu dihadkan kepada enam.

"Sejak pengumuman itu dibuat, terdapat pandangan yang berbeza dan bantahan berhubung beberapa aspek program itu terutama dari segi bilangan dan komposisi kumpulan perbankan serta tempoh masa yang ditetapkan bagi melaksanakan program penggabungan itu," katanya.

Ali Abul Hassan berkata, setelah mendapat kelulusan secara prinsip daripada Bank Negara berhubung kumpulan penggabungan yang baru, institusi perbankan tempatan akan dibenarkan menamatkan Memorandum Persefahaman (MoU) yang ditandatangani sebelum ini.

Seterusnya, institusi perbankan dikehendaki melaksanakan keseluruhan aspek penggabungan menjelang akhir Disember 2000.

"Kelonggaran ini tidak harus ditafsirkan dalam apa jua cara sebagai memperkecilkan kepentingan dan keperluan untuk menggabungkan sektor perbankan domestik.

"Dengan proses liberalisasi dan globalisasi sektor perbankan, keperluan rasionalisasi dan penggabungan tidak dapat dielakkan," katanya.

Beliau menegaskan, sistem perbankan yang mengandungi institusi bersaiz kecil akan hanya menyebabkan sistem kewangan dan ekonomi negara terdedah kepada ancaman suasana dan perkembangan yang tidak menentu.

Pada masa ini, negara mempunyai 55 institusi perbankan iaitu 20 bank perdagangan, 23 syarikat kewangan dan 12 bank saudagar.

Ali Abul Hassan berkata, perubahan yang dilakukan hanya dari segi kaedah pelaksanaan yang mana pemegang saham diberi lebih tanggungjawab untuk memulakan dan menerajui penggabungan itu.

Sekiranya pemegang saham institusi gagal menggunakan kelonggaran yang diberikan Bank Negara untuk mengenal pasti dan memilih kumpulan masing-masing menjelang akhir Januari 2000, bank pusat akan terpaksa menentukan rakan penggabungan bagi memastikan matlamat akhir dapat dicapai.

Gabenor turut menjelaskan bahawa cadangan penggabungan tidak akan menyebabkan peningkatan pengangguran.

Bank Negara turut mengingatkan bahawa program penggabungan tidak harus menjejaskan operasi harian institusi perbankan.

(END)